

Mangsa banjir diarah pulang

Penduduk kecewa pusat pemindahan ditutup awal walaupun banjir belum surut

NOOR AZLIDA ALIMIN

RANTAU PANJANG – Penduduk di beberapa kampung, dekat sini kecewa apabila pihak berkenaan bertindak menutup pusat pemindahan sementara terlalu awal.

Penduduk Kampung Kubang Binjal, Mazuki Mokhtar, 45, mendakwa, penduduk dikehendaki pulang ke rumah, Selasa lalu walaupun banjir masih melimpah atas jalan raya ke Kampung Binjal, Kubang Pak Itam, Magribi, Gading Merbau dan Perol Simpul.

Menurutnya, terdapat 200 mangsa di pusat pemindahan di sini, namun kesemuanya diarahkan pulang.

"Kami hairan dengan tindakan pihak berkenaan, arahkan kami pulang tanpa sebarang alasan, kami rasa

seolah-olah dihalau.

"Kami terpaksa bergadai nyawa semata-mata mahu pulang ke rumah kerana banjir masih melimpah ke jalan raya hampir dua meter, malah ia terlalu deras untuk dilalui," katanya.

Sementara itu, penduduk Perol Simpul, Helmi Mohd Din berkata, memandangkan sesi persekolahan masih tertunda kerana banjir serta cuti sempena Tahun Baharu Cina, namun ia bukan alasan pihak terbabit meminta mangsa banjir pulang lebih awal.

Menurutnya, sejak banjir lalu, mereka menumpang di dalam dewan dan tidak melibatkan kelas pembelajaran di sini.

"Malah kami tak akan biarkan anak-anak terutama pra sekolah hingga tahun dua, meredah banjir semata-mata



Mazuki (kiri) menunjukkan keadaan arus yang masih deras, Rabu lalu.

mahu ke sekolah. -

"Pihak berkenaan sepatutnya meninjau sendiri keadaan banjir di sini, bukan hanya mendengar dari satu pihak sahaja," katanya.

Mazuki berkata, beberapa kampung di sini mungkin

selamat untuk dilalui, namun masih banyak kampung terjejas dan tidak selamat untuk pulang walaupun menggunakan bot.

Sementara itu, Pengerusi Bencana Jajahan, Mohamed Nor Husin berkata, keputusan

menutup pusat pemindahan dibuat berdasarkan maklumat pelbagai pihak, antaranya Agensi Pertahanan Awam (APM), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), polis dan lain-lain.

Menurutnya, antara fak-

tor penutupan pusat pemindahan sementara berdasarkan penurunan paras air Sungai Golok dan keadaan cuaca.

"Melihat kepada trend air yang semakin menurun serta tiada risiko kepada mangsa banjir, maka mereka selamat untuk pulang ke rumah masing-masing.

"Kita dapatkan pelbagai nasihat dari pelbagai agensi, maka penduduk perlu akur dengan arahan daripada pihak yang lebih pakar dengan isu tersebut. Jadi tidak timbul isu aniaya atau halau mangsa banjir," katanya.

Mohamed berkata, pihaknya sedar dengan tekanan dihadapi penduduk terutama golongan yang terjejas teruk akibat banjir gelombang kedua ini, namun diharap mereka dapat bersabar dengan keadaan tersebut.